



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2009/2010

NAMA MATA PELAJARAN	:	PENGURUSAN PENDIDIKAN
KOD MATA PELAJARAN	:	DBE 3222
KURSUS	:	DIPLOMA KEJURUTERAAN (AWAM, MEKANIKAL, EELKTRIKAL) SERTA PENDIDIKAN
TARIKH PEPERIKSAAN	:	APRIL / MEI 2010
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB EMPAT (4) SOALAN DARIPADA ENAM (6) SOALAN SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI TIGA (3) MUKA SURAT

- S1 (a) Setiap organisasi perlu dikelola dengan rapi, sempurna dan teratur supaya setiap kakitangannya dapat berhubung dan bertindak satu sama lain untuk mencapai matlamat pendidikan yang ditentukan selaras dengan falsafah pendidikan negara. Huraikan lima konsep pentadbiran dan pengurusan sekolah.
(10 markah)
- (b) L . Gulick dan L . Urwick (1959) telah menyenaraikan fungsi-fungsi pentadbiran sebagai '**POSDCORB**'. Nyatakan maksud bagi setiap huruf-huruf perkataan tersebut kemudian, huraikan setiap maksud tersebut.
(15 markah)
- S2 Kebanyakan manusia mengaitkan kepimpinan yang berkesan kepada sifat atau nilai yang diingini seperti kehormatan, keperibadian dan daya pengaruh yang tinggi yang sering dihubungkan dengan pemimpin pemimpin agung seperti Nabi Muhammad.
- (a) Terangkan definisi dan kosep kepimpinan.
(10 markah)
- (b) Senaraikan ciri-ciri pemimpin yang berjaya berserta penjelasan.
(15markah)
- S3 (a) Menurut Weber (1924), birokrasi ialah struktur sosial yang mempunyai heirarki peranan dan status yang ditetapkan oleh peraturan dan prosedur yang eksplisit berdasarkan pembahagian fungsi dan autoriti.
Bincangkan contoh yang bersesuaian mengenai birokrasi yang diamalkan pada peringkat sekolah.
(10 markah)
- (b) Perancangan dan komunikasi merupakan aspek yang terdapat dalam ciri-ciri budaya organisasi. Huraikan kepentingan ciri-ciri yang dinyatakan di atas dalam membentuk dan mencorak suatu budaya sekolah yang sihat.
(15 markah)

- S4 (a) Penyata kewangan adalah dokumen kewangan yang sangat penting dalam pengurusan kewangan sekolah.
- Nyatakan sebab-sebab berlakunya Teguran Audit dalam Laporan Penyata Kewangan.
- (10 markah)
- (b) Ada pelbagai kelemahan dan kesilapan yang ditemui dalam pengurusan kewangan sekolah. Kebanyakan Penyata Kewangan Sekolah masih mempunyai kelemahan dari segi penyelenggaraan dokumen dan rekod serta penyediaan penyata.
- Huraikan tiga masalah-masalah dalam pengurusan kewangan sekolah.
- (15 markah)
- S5 (a) Berikan definisi kuasa dan autoriti dalam konsep umum dan Islam?
- (5 markah)
- (b) Dalam konsep kuasa dan autoriti terdapat beberapa proses penurunan kuasa. Huraikan lima penurunan kuasa yang efektif.
- (10 markah)
- (c) Dunia yang semakin canggih dan moden ini lebih ramai manusia yang mengejar kuasa dan pangkat untuk menjadi pemimpin. Pada pendapat anda, sebagai seorang mahasiswa, apakah ciri yang perlu ada pada seorang pemimpin yang berwawasan untuk menjalankan kuasa dan autoriti yang diberikan. Huraikan.
- (10 markah)
- S6 Menurut Kamus Oxford (1969) sekolah adalah institusi yang memberi pendidikan kepada para pelajar. Para pelajar diasuh mengenai tingkah laku yang sempurna dan diajar mengenai disiplin diri. Dalam zaman pertengahan, sekolah merupakan tempat guru-guru dan para sarjana berkumpul untuk melakukan pengajian dan melaksanakan penyelidikan
- (a) Nyatakan hubungan antara pengetua dengan guru serta kakitangan bawahannya.
- (10 markah)
- (b) Terangkan lima peranan sekolah sebagai institusi sosial.
- (15 markah)